



MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
NO. SEBUT HARGA : MPKS/ENG/Q/05/2025 (JLN)

**CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN
DI KAWASAN LAPANGAN TAMAN AWAM UNI CENTRAL, KOTA
SAMARAHAN SARAWAK.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G2** di bawah **Kategori CE 14 (Landskap Luar Bangunan) dan CE21 (Pembinaan Kejuteraan Awam)**, Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang beralamat di **Negeri Sarawak**, dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.
2. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh 26/3/2025 (Rabu) sehingga 8/4/2025 (Selasa), waktu pejabat di **Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Bahagian Samarahan, 94300 KOTA SAMARAHAN, Sarawak.**
3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada 26/3/2025 (Rabu). Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Pendaftaran ini akan dibuka selama 1 jam sahaja iaitu bermula pada 2 Petang sebelum taklimat bermula. Kontraktor dikehendaki berkumpul di Bilik Latihan MPKS pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL CIDB, SPKK dan STB berserta satu salinan perakuan/sijil semasa pendaftaran tersebut.
4. Dokumen Sebut Harga boleh di beli di Kaunter Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Bahagian Samarahan, 94300 KOTA SAMARAHAN, Sarawak bermula pada 26/3/2025 (Rabu) dengan **bayaran sebanyak RM50.00 (tidak akan dikembalikan) dan bayaran atas nama Majlis Perbandaran Kota Samarahan**.
5. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Bahagian Samarahan, 94300 KOTA SAMARAHAN, Sarawak tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada tarikh 8/4/2025 (Selasa).
6. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
7. Penyebut Harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA.**



.....
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Kota Samarahan

Tarikh : 21 Mac 2025